BERITA HARIAN ATAS TALIAN (PRESSREADER.COM) – 8 OKTOBER 2017 (SABTU); M/S: 2

# Sistem BRT majukan Iskandar Malaysia

Kemudahan transit bas berkualiti berkualiti tinggi sedia perkhidmatan selesa, kos efektif

Berita Harian 8 Oct 2017 +84 more Oleh Junita Mat Rasid, Zuraidah Mohamed dan Mohd Fahmi Mohd Yusof

Datuk Seri Najib Razak berkata, Sistem Bas Rapid Transit (BRT) bakal menjadi tulang belakang infrastruktur pengangkutan awam dalam wilayah pembangunan Iskandar Malaysia untuk dua dekad akan datang.

Berkonsepkan keterangkuman dan kemampanan, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat menerusi Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) serta Kerajaan Johor akan membangunkan BRT.

Katanya, BRT adalah sistem transit berasaskan bas berkualiti tinggi yang memberi perkhidmatan dipercayai, selesa dan kos efektif.

"Kos pelaksanaan BRT kira-kira RM2.56 bilion dibiayai menerusi Kerajaan Pusat sebanyak RM1 bilion, manakala menerusi kerjasama swasta-awam bernilai RM1.56 bilion.

"BRT mengandungi ciri sama dengan Transit Aliran Ringan atau Metro, maknanya ia akan lebih cepat berbanding perkhidmatan bas biasa.

## Dijangka beroperasi pada 2021

"Sistem ini dijangka beroperasi pada 2021, akan menghubungkan 90 peratus kawasan Iskandar Malaysia dengan laluan sepanjang 51 kilometer menerusi 39 stesen melalui pusat beli-belah, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital dan pusat perubatan serta pejabat kerajaan.

"Kekerapannya adalah antara 10 hingga 15 minit pada waktu puncak," katanya ketika berucap merasmikan Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Dataran Mahkota, Kota Iskandar di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pertahanan merangkap Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Najib berkata, pembangunan sistem BRT akan mempunyai sambungan yang lancar ke Sistem Transit Kereta Api (RTS), Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR), Keretapi Tanah Melayu (KTM) Komuter serta terminal bas antara bandar.

"Dengan jangkaan penambahan penduduk dan pertumbuhan ekonomi yang meningkatkan peluang pekerjaan, saya yakin BRT bakal menjadi pemangkin memacu Iskandar Malaysia ke tahap lebih berdaya saing di mata dunia," katanya.



Najib bersama Mohamed Khaled dan Hishammuddin mendengar penerangan oleh Ketua Eksekutif IRDA, Datuk Ismail Ibrahim (dua dari kanan) mengenai sistem BRT selepas merasmikan Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Iskandar Puteri, semalam.

Perdana Menteri berkata, BRT menjadi antara 4 inisiatif utama bagi melonjak pembangunan dan kemajuan Johor pada masa depan termasuk Pelan Induk Kemahiran Johor, Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Dasar Kelestarian Johor.

Beliau mengesahkan empat PPR baharu akan dibangunkan di Johor membabitkan 1,830 unit rumah dengan kos RM360 juta, manakala Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Johor dijalankan bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran yang tepat untuk menghasilkan barangan dan menyampaikan perkhidmatan terbaik.

Selain itu, katanya, menerusi Dasar Kelestarian Negeri Johor, ia bertujuan untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar yang mampan.

Sementara itu, Perdana Menteri yakin, hubungan baik Kerajaan Pusat dan Johor adalah antara faktor negeri ini melalui tempoh pembangunan yang menakjubkan.

## Lebih banyak pembangunan

Katanya, kerajaan akan melaksanakan lebih banyak pembangunan untuk Johor kerana negeri ini akan menempuh fasa lebih menakjubkan ekoran hubungan baik kedua-dua pihak.

"Sebenarnya, tidak payah beritahu sebab saya dah tahu pasal kemajuan yang begitu memberangsangkan yang dicapai Johor. Malah, saya pernah mengungkapkan Johor sebagai kuasa ekonomi baharu untuk Malaysia.

"Ini satu pengiktirafan jelas yang kadar pertumbuhan malah nadi pertumbuhan negara adalah datang dari Johor.

"Beberapa faktor mengapa Johor akan lalui fasa pembangunan menakjubkan antaranya kerana hubungan sungguh erat Johor dengan Pusat, khusus peranan Menteri Besar untuk menjamin hubungan itu sentiasa kukuh dan akrab," katanya.